

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Klinik di Semenyih tetap dibina

PETALING JAYA - Rancangan pembinaan sebuah lagi klinik kesihatan di Semenyih akan diteruskan seperti yang pernah dicadangkan biarpun keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih tidak memihak kepada Pakatan Harapan (PH), kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Katanya, ia perlu direalisasikan bagi memastikan penduduk di kawasan itu mendapat kemudahan perubatan kesihatan yang baik.

“Apa yang disebut oleh calon kami sebelum ini adalah sesuatu yang mustahak memandangkan Klinik Kesihatan di pekan Semenyih dan Beranang sudah uzur dan sesak.

“Saya yakin kami akan dapat lokasi tanah dan peruntukan daripada kerajaan negeri untuk menjayakan perkara ini,” katanya

kepada pemberita selepas merasmikan Acara ‘Run For Rare’ di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menetapkan anggaran masa berkaitan pembinaan klinik itu.

Sebelum ini, calon PH, Muhammad Aiman Zainali dilaporkan menjadikan pembinaan hospital di Semenyih sebagai agenda utama jika menang PRK itu memandangkan ia adalah permasalahan paling banyak diutarakan oleh masyarakat setempat.

Bagaimanapun, pada 25 Februari lalu, Dr. Dzulkefly mencadangkan pembinaan sebuah lagi klinik kesihatan oleh kerana dua klinik di pekan Semenyih dan Beranang tidak boleh diperluaskan ekoran kekangan tempat selain penambahbaikan fasiliti Hospital Kajang yang merupakan hospital terdekat di Semenyih.

- Bernama